

20 NOV 1996

#### MEASAT-2 MASUKI ORBIT PADA HARI JUMAAT

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- MEASAT-2, satelit Malaysia yang kedua yang telah dilancarkan pada 13 Nov lalu dijangka akan memasuki orbit pada hari Jumaat nanti.

Pengurus Besar Operasi Komersil MEASAT, Binariang Satellite Systems Sdn Bhd Abdul Halim Abdul Hamid menyatakan motor penginjak "apogee" (AKM) yang berada pada satelit telah dihidupkan pada 16 Nov dari pusat kawalan Hughes di El Segundo, California pada pukul 9.52 malam (waktu Los Angeles).

AKM akan membawa satelit keluar dari orbit eleptikal untuk membolehkanya mengelilingi orbit slot 148 darjah timur, kata beliau.

Setelah memasuki orbit itu, MEASAT-2 akan disesuaikan kedudukannya dan panel solar dan alat pemantul akan diletakkan dalam kedudukannya untuk menjalankan ujian.

MEASAT-2 telah dilancarkan dengan sempurna dari Kourou di French Guiana dan upacara itu telah disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Binariang Satellite Systems adalah anak syarikat milik penuh Binariang Sdn Bhd yang telah membangunkan prasarana komunikasi kurun ke-21 di Malaysia.

Binariang adalah syarikat usaha sama di antara pemegang saham dari Malaysia dan American Baby Bell, US West International, yang berpengalaman dalam industri telekomunikasi.

Pemegang saham tempatan mengandungi Tunku Mahmud Tunku Besar Burhanuddin, ahli keluarga Tun Fuad Stephens dan pemegang amanah kepada keluarga T. Ananda Krishnan, yang secara bersama memegang 80 peratus ekuiti dalam syarikat itu manakala US West memegang baki 20 peratus.

US West International adalah sebahagian US West Media Group yang terlibat dalam sektor telefon domestik dan kabel antarabangsa, komunikasi tanpa wayar dan perkhidmatan maklumat. -- BERNAMA

DAB RIF/sia